



**KEBERKESANAN PROGRAM KEPOLISAN KOMUNITI DALAM
PENCEGAHAN JENAYAH DI AMPANG, SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

MOHD ROSLIN MAMAT

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

September 2023

FEM 2023 1

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

KEBERKESANAN PROGRAM KEPOLISAN KOMUNITI DALAM PENCEGAHAN JENAYAH DI AMPANG, SELANGOR, MALAYSIA

Oleh

MOHD ROSLIN MAMAT

September 2023

Pengerusi : Nik Ahmad Sufian bin Burhan
Fakulti : Ekologi Manusia

Program kepolisan komuniti yang dilaksanakan di sekitar kawasan kejiranan bermatlamat mencegah kes-kes jenayah indeks membabitkan jenayah kekerasan dan jenayah harta benda dalam kawasan kejiranan komuniti. Walau bagaimanapun, penyertaan komuniti selaku penerima manfaat program kepolisan komuniti masih tidak menggalakkan. Ini menimbulkan kebimbangan kepada PDRM selaku pelaksana program kepolisan komuniti kerana dikhuatiri bahawa komuniti berkemungkinan tidak memahami matlamat program kepolisan komuniti yang dianjurkan oleh PDRM. Objektif kajian yang pertama bertujuan untuk meneroka kefahaman komuniti terhadap program kepolisan komuniti dalam pencegahan jenayah. Kedua, kajian bertujuan untuk mengkaji keberkesanan program kepolisan komuniti oleh polis dalam pencegahan jenayah. Ketiga, kajian bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program kepolisan komuniti oleh komuniti dan polis dalam pencegahan jenayah.

Reka bentuk kajian kualitatif melalui pendekatan kajian kes digunakan untuk menemu bual informan kajian. Informan kajian yang dipilih melalui strategi pensampelan bertujuan melibatkan Anggota Kepolisian Komuniti (AKK) dan Pegawai Polis. Kajian dilaksanakan di Kawasan Pentadbiran Balai Polis Taman Melawati Ampang. Teknik pengumpulan data dilaksanakan menggunakan kaedah perbincangan kumpulan fokus (PKF) melibatkan AKK dan temu bual mendalam melibatkan PP. Borang protokol temu bual separa struktur digunakan sebagai panduan menemu bual informan. Data- data temu bual dianalisis menggunakan teknik analisis tematik yang merangkumi tiga tema utama iaitu kefahaman komuniti, keberkesanan program dan kekuatan dan kelemahan yang berhubungkait dengan program kepolisan komuniti dalam pencegahan jenayah.

Hasil kajian objektif pertama menunjukkan bahawa AKK memahami matlamat program kepolisan komuniti adalah untuk mencegah jenayah dalam kawasan kejiranan. Dari segi penglibatan komuniti sebagai pemangkin program didapati bahawa golongan muda dan belia terutama kurang tertarik untuk melibatkan diri secara sukarela sebagai AKK. Ini

mengakibatkan kerjasama strategik melalui rondaan tidak dapat dilaksanakan secara berterusan kerana kejiwaan enggan menyalurkan bantuan wang ringgit bagi membiayai elaun rondaan kepada AKK bertugas. Rangkaian perkongsian maklumat oleh AKK disalurkan melalui aplikasi media komunikasi seperti *whatsapp*, *facebook group*, papan kenyataan masjid dan surau, pos pengawal AKK dan perkongsian maklumat bersama-sama agensi penguatkuasa seperti PDRM dan RELA. Dapatan kajian tentang keberkesanan program kepolisan komuniti oleh polis disokong dari segi langkah pencegahan jenayah secara bersepadu, kekuatan anggota dan sumber manusia menghapus peluang jenayah, mempunyai latihan yang mencukupi untuk memperkasa komuniti dalam program dan menjadi penasihat komuniti dalam pelaksanaan program kepolisan komuniti. Penemuan kajian tentang segi kekuatan program kepolisan komuniti yang dikenal pasti ialah dari segi peranan penyelia selaku KPB yang proaktif, koordinasi efektif pihak polis terhadap kawasan pentadbiran dan tempoh pengalaman bekerja bagi Ketua Sektor di setiap kawasan. Melalui kajian ini juga didapati wujud kekurangan yang memerlukan penambahbaikan iaitu dari segi gaya kepimpinan penyelia dalam menyelaraskan sumber manusia yang tidak mencukupi, langkah untuk mengatasi kekangan aset dan logistik dan komitmen Ketua Sektor terhadap penugasan rondaan yang perlu diperkasa.

Sebagai kesimpulannya, program kepolisan komuniti memerlukan jalinan perkongsian maklumat dan kerjasama bersepadu antara orang awam selalu AKK dan pihak polis selaku pelaksana program. Implikasi kajian memberi sumbangan input pengetahuan baharu kepada Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK), PDRM untuk memperkasa aset dan logistik yang mencukupi berdasarkan keperluan dan kehendak program kepolisan komuniti.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**EFFECTIVENESS OF THE COMMUNITY POLICING PROGRAMS IN
CRIME PREVENTION IN AMPANG, SELANGOR, MALAYSIA**

By

MOHD ROSLIN MAMAT

September 2023

Chair : Nik Ahmad Sufian Burhan, PhD
Faculty : Human Ecology

The community policing program implemented in the neighborhood has the aim of preventing index crime cases resulting in violent crimes and property crimes in the neighborhood. However, the inclusion of communities as beneficiaries of community policing programs is still not encouraged. This raises concerns for PDRM as the implementer of the community police program because it is feared that the community may not understand the goals of the community police program recommended by PDRM. The first study objective is to explore the community's understanding of the community police program in crime prevention. Second, the study aims to examine the effectiveness of community policing programs by the police in preventing crime. Third, the study aims to identify the strengths and weaknesses of community policing programs by communities and police in crime prevention.

A qualitative study design using a case study approach was used to interview study informants. The study informants were selected through a sampling strategy aimed at involving Community Police Members (CPM) and Police Employees. The study was carried out in the Administrative Area of the Taman Melawati Ampang Police Station. The data collection technique was carried out using the focus group discussion method involving CPM and in-depth interviews involving PP. The semi-structured interview protocol form is used as a guide to interviewing informants. Interview data were analyzed using thematic analysis techniques which included three main themes, namely community understanding, program effectiveness and strengths and weaknesses related to community police programs in crime prevention.

The results of the first objective study show that CPM understands that the goal of the community police program is to prevent crime in neighboring areas. In terms of community involvement as a catalyst for the program, it was found that young and younger groups, especially, were less interested in volunteering as CPM. This resulted in strategic cooperation through patrols not being able to be carried out continuously

because neighbors were reluctant to channel ringgit money to finance patrols to the CPM on duty. The series of information sharing by CPM is channeled through communication media applications such as WhatsApp, Facebook groups, mosque and surau information boards, CPM guard posts and information sharing with power agencies such as PDRM and RELA. The findings of the study regarding the effectiveness of the community police program by the police are supported in terms of integrated crime prevention measures, member strength and human resources eliminating opportunities for crime, having sufficient training to strengthen the community in the program and being a community advisor in implementing the community police program. The findings of the study regarding the strengths of the community police program are identified in terms of the supervisor's role as a proactive KPB, effective coordination of the police with the administrative area and the period of work experience for the Sector Head in each area. Through this study, deficiencies were also found that required improvement, namely in terms of the supervisor's leadership style in coordinating inadequate human resources, steps to overcome asset and logistics constraints and the Sector Head's commitment to patrol assignments that needed to be strengthened.

In conclusion, the community police program requires a network of information sharing and integrated cooperation between ordinary people, always CPM and the police as program implementers. The implications of the study contribute new knowledge input to the Crime Prevention and Community Safety Department (JPJKK), PDRM to strengthen adequate assets and logistics based on the needs and requirements of the community police program.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Syukur Alhamdulillah, melalui bimbingan, dorongan, panduan & bantuan daripada pelbagai pihak, saya telah berjaya menyiapkan tesis ini. Tidak dapat digambarkan bagaimana perasaan terharunya saya apabila tesis ini disiapkan setelah beberapa lama bertungkus lumus memastikan ianya dapat disempurnakan.

Pertama sekali saya amat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan perancanganNya dapat saya penuhi impian saya sejak di usia remaja untuk memiliki Sarjana. Tidak lupa saya kepada Allahyarham Dr Abdul Razak bin Abdul Rahman serta isteri Dr Tengku, Dr Nik Ahmad Suffian bin Burhan @ Jaohari yang banyak membantu memberi nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar serta bantuan mahupun dorongan yang bermanfaat sepanjang tempoh pengajian saya. Hanya Allah swt sahaja yang mampu membalas jasa baik mereka ini. Segala jasa baik mereka ini akan saya kenang di dalam setiap doa yang saya ucapkan setiap hari sehingga ke akhir hayat.

Tidak lupa juga kepada Kesemua Pengerusi & AJK persatuan penduduk dan Polis Komuniti yang ada di kawasan pentadbiran Balai Polis Taman Melawati, Ampang serta Ketua Polis Balai & anggota polis Balai Polis Taman Melawati, Ampang, JSJ IPD Ampang Jaya, D4 Bukit Aman yang banyak membantu memberi kerjasama di peringkat temuramah & data-data yang diperlukan bagi menyiapkan tesis ini. Akhir sekali saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pensyarah, staf UPM dan juga semua individu yang terlibat secara langsung di dalam penghasilan tesis ini (Hanya Allah swt yang mengetahui). Untuk isteri tercinta, Tengku Norashikin Tengku Awang & anak-anak yang tidak jemu memberi semangat dan pemangkin kejayaan, saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga. Semoga Allah swt merahmati mereka semua di dalam kehidupan dunia & akhirat. God loves us all.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nik Ahmad Sufian bin Burhan, PhD

Professor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdul Razak bin Abdul Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Professor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 Disember 2023

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
 BAB	
 1 PENDAHULUAN	 1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.2.1 Statistik Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda	4
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.7.1 Perluasan Ilmu dari segi Model Kajian	10
1.7.2 Komuniti sebagai Penerima Manfaat Program Kepolisian Komuniti	11
1.7.3 PDRM sebagai Pelaksana Program	11
1.8 Definisi Istilah dan Operasional Konsep	11
1.8.1 Keberkesanan	11
1.8.2 Kepolisian Komuniti	12
1.8.3 Pencegahan Jenayah	12
1.9 Organisasi Penulisan Tesis	13
1.10 Jangkaan Hasil Kajian	15
 2 TINJAUAN LITERATUR, PENDEKATAN TEORI DAN KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN	 16
2.1 Pengenalan	16
2.2 Sejarah Perkembangan Program Kepolisian Komuniti dalam Pencegahan Jenayah	16
2.2.1 Sistem Kepolisian Tradisional	17
2.2.2 Sistem Salleh dan Operasi Sistem Salleh	18
2.2.3 Rakan Cop	20
2.2.4 Skim Rondaan Sukarela (SRS)	20
2.2.5 AMANITA	21
2.2.6 Unit Rondaan Bermotosikal (URB)	21
2.2.7 Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)	23
2.2.8 Volunteer Smartphone Patrol (VSP)	24

2.3	Keberkesanan Program Kepolisian Komuniti daripada Perspektif Anggota Komuniti	24
2.4	Keberkesanan Program Kepolisian Komuniti daripada Perspektif Polis	27
2.5	Pendekatan Teori Kajian	30
2.5.1	Model Pengetahuan, Sikap dan Amalan (<i>Knowledge-Attitude-Practice</i>)	30
2.5.2	Pendekatan Perkongsian (Partnership Approach)	32
2.5.3	Teori Modal Sosial (Social Capital)	32
2.6	Kerangka Konseptual	34
2.7	Rumusan	35
3	METODOLOGI KAJIAN	37
3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	37
3.3	Pendekatan Kajian	37
3.4	Kaedah Pensampelan Kajian	38
3.4.1	Teknik Pensampelan Bertujuan	38
3.4.2	Unit Analisis Kajian	39
3.4.3	Pelabelan Komuniti sebagai Informan Kajian	39
3.4.4	Pelabelan Pegawai Polis sebagai Informan Kajian	40
3.5	Kawasan Kajian	41
3.5.1	Kawasan Pentadbiran Balai Polis Taman Melawati, Ampang	41
3.5.2	Carta Organisasi Pegawai Polis dalam Program Kepolisian Komuniti	43
3.6	Teknik Pengumpulan Data	44
3.6.1	Perbincangan Kumpulan Fokus	45
3.6.2	Temu Bual Separa Struktur	45
3.6.3	Pemerhatian Turut Serta	46
3.6.4	Kajian Kepustakaan	46
3.7	Teknik Penganalisan Data	47
3.7.1	Analisis Tematik	47
3.7.2	Pengkategorian Tema-Tema Utama Kajian	47
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	49
3.8.1	Kesahan Data	49
3.8.2	Kebolehpercayaan Data	49
3.9	Etika Kajian	50
3.10	Rumusan	50
4	HASIL KAJIAN	51
4.1	Pengenalan	51
4.2	Profil Informan	51
4.2.1	Anggota Kepolisian Komuniti (AKK)	51
4.2.2	Pegawai Polis Balai Polis Taman Melawati, Ampang	52
4.3	Keberkesanan Program Kepolisian Komuniti daripada Perspektif Anggota Komuniti	53
4.3.1	Penglibatan Komuniti sebagai Pemangkin Program	53
4.3.2	Melaksana Kerjasama Strategik melalui Rondaan	57
4.3.3	Membentuk Rangkaian Perkongsian Maklumat	61

4.4	Keberkesanan Program Kepolisian Komuniti Daripada Perspektif Polis	64
4.4.1	Peranan Polis untuk Mencegah Jenayah	64
4.4.2	Sumber Manusia untuk Menghapus Peluang Jenayah	66
4.4.3	Latihan yang Mencukupi untuk Memperkasa Komuniti	69
4.4.4	Penasihat Komuniti dalam Pelaksanaan Program Kepolisian Komuniti	70
4.5	Kekuatan dan Kelemahan Program Kepolisian Komuniti	72
4.5.1	Kekuatan Program Kepolisian Komuniti	72
4.5.2	Kelemahan Program Kepolisian Komuniti	76
4.6	Rumusan	80
5	PENUTUP	81
5.1	Pengenalan	81
5.2	Rumusan Kajian	81
5.2.1	Rumusan Objektif Kajian 1	81
5.2.2	Rumusan Objektif Kajian 2	82
5.2.3	Rumusan Objektif Kajian 3	83
5.3	Implikasi Kajian	84
5.3.1	Teori Kajian	84
5.3.2	Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK, PDRM)	85
5.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	86
5.5	Kesimpulan	87
	RUJUKAN	88
	LAMPIRAN	95
	BIODATA PELAJAR	103

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1.1 Kawasan Pentadbiran Balai Polis Taman Melawati Ampang	9
3.1 Pelabelan Komuniti sebagai Informan Kajian	40
3.2 Pelabelan Pegawai Polis sebagai Informan Kajian	40
3.3 Lokasi Pemerhatian Turut Serta	46
3.4 Tema-Tema Kajian dan Sub-Tema Kajian	48
4.1 Demografi Anggota Kepolisan Komuniti	52
4.2 Demografi Pegawai Polis	53

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1.1 Bahagian-Bahagian dalam JPJKK	2
1.2 Logo Persatuan Kepolisian Komuniti (Community Policing)	3
1.3 Statistik Jenayah Kekerasan Balai Polis Taman Melawati, Ampang	4
1.4 Statistik Jenayah Harta Benda Balai Polis Taman Melawati, Ampang	5
1.5 Organisasi Penulisan Tesis	13
2.1 Pondok Polis Sistem Salleh	19
2.2 Logo Rasmi AMANITA, PDRM	21
2.3 Unit Rondaan Motosikal (URB)	22
2.4 Strategi Pelaksanaan GSTP	23
2.5 Aplikasi VSP	24
2.6 Model Pengetahuan, Sikap dan Amalan	31
2.7 Pendekatan Perkongsian	32
2.8 Teori Modal Sosial	33
2.9 Kerangka Konseptual Kajian	34
3.1 Kawasan Kajian yang Mempunyai Program Kepolisian Komuniti	41
3.2 Kawasan Kajian yang Tidak Mempunyai Program Kepolisian Komuniti	42
3.3 Carta Organisasi Pegawai Polis dalam Program Kepolisian Komuniti	43
3.4 Peranan Ketua Polis Balai atau Ketua Sektor	44

SENARAI SINGKATAN

PDRM	Polis Diraja Malaysia
KPB	Ketua Polis Balai
AKK	Anggota Kepolisian Komuniti
JPJKK	Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti
KS	Ketua Sektor



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
A	Sesi Temu Bual	95
B	Arahan KPN untuk Program Kepolisian Komuniti	99
C	Borang Panduan Protokol Temu Bual dan Perbincangan Kumpulan Fokus	102



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Keberkesanan program kepolisan komuniti sering dipersoalkan oleh orang awam kerana indeks jenayah masih menunjukkan peningkatan kes jenayah kekerasan dan kes jenayah harta benda. Bab 1 adalah bab Pendahuluan yang mempunyai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop dan kepentingan kajian, definisi istilah dan operasional konsep dan organisasi penulisan tesis.

1.2 Latar Belakang Kajian


Peningkatan kadar jenayah mewujudkan pelbagai bentuk ketakutan komuniti terhadap jenayah yang berlaku di sekeliling komuniti. Jenayah yang berlaku dalam kawasan kejiranan menuntut komuniti untuk membentuk keprihatinan bagi membentuk satu mekanisme bersepadu antara penguatkuasa dengan komuniti. Menurut Sabtu, Manaf dan Mohamed (2023), kepolisan komuniti merupakan pendekatan usaha sama antara polis dengan komuniti bagi mencegah jenayah dengan menggalakan komuniti mengenal pasti dan bertindak ke atas jenayah yang berlaku dalam kejiranan. Merujuk kepada *President's Task Force on 21st Century Policing* (2015), falsafah kepolisan komuniti ini adalah berteraskan kerjasama proaktif bagi mengurangkan persepsi ketakutan komuniti terhadap isu keselamatan awam.

Bentuk-bentuk kerjasama antara polis dengan komuniti dalam program kepolisan komuniti ialah dari segi jalinan hubungan rapat. Seterusnya ialah, memberi peluang kepada komuniti menyelesaikan masalah kejiranan secara berkumpulan, mewujudkan prosedur teratur bagi perkongsian pintar antara polis dengan komuniti dan mewujudkan semangat kepunyaan dalam program yang dirancang bersama-sama (Sabtu et al., 2023; Kang, 2015). Ismail et al., (2018) dalam huraianya menilai bahawa kepolisan komuniti di Malaysia berperanan membantu PDRM dalam usaha membanteras jenayah, meringankan beban tugas polis, meningkatkan penyertaan komuniti dalam program kepolisan komuniti dan meningkatkan persepsi rasa selamat komuniti.

Dasar Keselamatan Negara (DKN 2021 – 2025) merupakan dasar yang diperkenalkan oleh negara bagi memperkasa nilai teras keselamatan negara agar komuniti bebas daripada sebarang ancaman fizikal dan bukan fizikal yang mampu mengganggu-gugat keselamatan insan negara. Kepolisian komuniti yang dianjurkan di Malaysia mempunyai hubungkait dengan Teras 3 Kesepaduan Sosial dan Teras 8 Keselamatan Rakyat. Melalui Teras 3, perpaduan dalam komuniti diandaikan sebagai mekanisme membendung anasir negatif yang mampu mengancam keselamatan negara. Saling memahami antara komuniti tanpa mengira kaum, agama dan kepercayaan adalah formula penting mengekalkan kesepaduan sosial.

Teras 8 Keselamatan Rakyat merujuk kepada pendekatan keselamatan berpaksi negara dan insan. Keselamatan menjadi fokus utama negara agar komuniti boleh menjalani kehidupan yang sejahtera dan dilindungi oleh nilai-nilai kebajikan negara. Apabila hak-hak negara dipertahankan, rakyat mudah memberikan semangat cintakan negara tanpa berbelah-bahagi. Oleh demikian, kepolisan komuniti sebagai sebuah program kolaborasi akan berupaya memelihara keselamatan insan, negara dan aktor-aktor negara. PDRM sebagai badan penguatkuasa ulung negara melalui Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) berperanan besar dalam memelihara keselamatan komuniti, masyarakat dan negara.

Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK), Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai enam bahagian yang mempunyai bidang tugas, fungsi dan struktur tersendiri. Penubuhan JPJKK pada 9 Jun 2014 bermatlamat untuk meningkatkan persepsi rasa selamat komuniti melalui inisiatif mengurangkan jenayah dalam kawasan pentadbiran balai polis.



Rajah 1.1: Bahagian-Bahagian dalam JPJKK

(Sumber: Portal Rasmi JPJKK, 2022)

Sehubungan itu, setiap bahagian mempunyai matlamat khusus dan visi yang perlu dicapai. Sebagai contohnya, Rajah 1.1 memperlihatkan Bahagian Pengurusan Dasar/Sumber berperanan dalam aspek pentadbiran, perjawatan, kewangan, sokongan logistik dan latihan. Manakala, Bahagian Operasi Darat melaksanakan tugas berhubungkait MPV, URB, Bit Rondaan dan E-Sector. Bagi Bahagian Kordinasi Sumber Sokongan, peranan berfokus kepada PB, SSP, Suksis dan Kor Kadet Polis (JPJKK, PDRM, 2022).

Bahagian Kepolisan Komuniti yang menjadi fokus utama kajian bermatlamat untuk melaksanakan bidang dan fungsi melalui kolaborasi bersepadu, kepolisan masyarakat, kordinasi persatuan sekolah, komuniti perniagaan dan rakan cop melalui penglibatan anggota komuniti. Manakala, Bahagian Pendataan/ Analisis berfungsi untuk melaksanakan analisis data jenayah, pendataan dan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS). Akhir sekali ialah, keanggotaan sumber manusia melalui Bahagian Urusetia JPJKK yang

menjadi tunjang kelangsungan JPJKK (JPJKK, PDRM, 2022).




Rajah 1.2: Logo Persatuan Kepolisian Komuniti (Community Policing)
(Sumber: Portal Rasmi JPJKK, 2022)

Penglibatan komuniti dalam program kepolisan komuniti bermatlamat untuk meningkatkan persepsi rasa selamat komuniti melalui konsep omni-presence pihak PDRM dengan kolaborasi komuniti setempat. Rajah 1.2 menunjukkan logo Persatuan Kepolisian Komuniti yang digunakan bagi semua kawasan pentadbiran balai. Dalam usaha mencegah jenayah, pemantauan melalui rondaan, kawalan dan penyertaan sukarela komuniti melalui program kepolisan komuniti dapat meningkatkan pengawasan terhadap kawasan-kawasan berisiko dalam persekitaran komuniti ialah jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Sunggupuh, kedua-dua jenayah mempunyai pola perlakuan tingkah laku jenayah yang berbeza. Tetapi, kedua-dua bentuk pola jenayah berpotensi memberi impak kepada kesejahteraan emosi mangsa iaitu komuniti yang berhadapan dengan risiko jenayah (Albrecht, 2022; Azman, 2020; Cordner, 2014).

Sehubungan itu, PDRM melalui peranan JPJKK bersinergi merangka pelbagai program pencegahan jenayah yang menjadi sasaran penjenayah. Antaranya ialah menjalin kolaborasi bersepadu, membentuk kordinasi persatuan sekolah, membina komuniti perniagaan dan memperkasa penyertaan rakan cop melalui penglibatan anggota komuniti. Penyertaan komuniti sebagai penerima manfaat program kepolisan komuniti signifikan kerana komuniti mempunyai pengetahuan yang luas tentang budaya, persekitaran, norma dan demografi kawasan kejiranan yang didiami. Pengamatan komuniti terhadap tingkahlaku yang mencurigakan disekeliling persekitaran kejiranan akan berpotensi membantu polis untuk menangani pelbagai permasalahan jenayah (Azman, 2020).


1.2.1 Statistik Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda

Permasalahan jenayah merupakan antara masalah sosial yang menunjukkan peningkatan di kebanyakan bandar di dunia termasuk Malaysia (Salleh, Ekhwan, & Salman, 2019). Peningkatan jenayah adalah membimbangkan dan mendapat perhatian semua pihak dari pelbagai peringkat masyarakat di negara ini. Peningkatan pelakuan jenayah bukan petunjuk kepada ketidakberkesanan langkah dijalankan oleh pihak berkuasa. Namun, kepelbagaian faktor meliputi faktor ruangan dan bukan ruangan serta kecanggihan sains dan teknologi menyebabkan permasalahan jenayah semakin rumit, kompleks dan bersifat global (Blair, 2021; Qurratul, Ismail, Ngah, & Mustafa, 2018). Rajah 1.3 merupakan Statistik Jenayah Kekerasan yang diterbitkan oleh PDRM (2022).



Rajah 1.3: Statistik Jenayah Kekerasan Balai Polis Taman Melawati, Ampang
(Sumber: Diolah semula daripada JPJKK, PDRM, 2022)

Melalui statistik tersebut sejumlah tujuh bentuk jenayah kekerasan telah dianalisis oleh PDRM. Analisis mendapati bahawa indeks jenayah kekerasan didominasi oleh kes samun b/kawan tanpa bersenjata api yang menunjukkan peningkatan kes sejak tahun 2019 dengan jumlah 278 kes. Diikuti pada tahun 2020 dengan jumlah 231 kes. Kes jenayah kekerasan kedua yang dominan ditunjukkan oleh kes jenayah kekerasan samun tanpa bersenjata api dengan jumlah 143 kes yang dilaporkan pada tahun 2019. Diikuti dengan 146 kes pada tahun 2020. Sungguhpun, statistik jenayah kekerasan menunjukkan penurunan kes jenayah (JPJKK, PDRM, 2022). Namun, pelaksanaan program kepolisan komuniti yang dilaksanakan sejak tahun 2014 masih dipersoalkan dari segi keberkesanan dalam usaha mengurangi indeks jenayah sehingga kini (Azman, 2020).



Rajah 1.4: Statistik Jenayah Harta Benda Balai Polis Taman Melawati, Ampang
(Sumber: Diolah semula daripada JPJKK, PDRM, 2022)

Selain daripada wujud peningkatan indeks jenayah kekerasan pada tahun 2019 sehingga 2021, PDRM melalui laporan statistik kes jenayah harta benda turut mendedahkan bahawa wujud peningkatan kes kecurian seperti curi motokar, curi motosikal, curi lori/van dan pecah rumah/premis. Rajah 1.4 data PDRM (2022) menunjukkan bahawa majoriti indeks jenayah harta benda didominasi oleh kes curi motosikal yang dibuktikan melalui jumlah kes sebanyak 552 kes pada tahun 2019. Diikuti dengan lain-lain kecurian yang mencatatkan jumlah 386 kes pada tahun 2019, meningkat kepada 484 kes pada tahun 2020 dan dilaporkan meningkat pada tahun 2021 dengan jumlah sebanyak 461 kes. Secara rumusannya, jenayah harta benda merupakan kategori jenayah indeks yang lebih kerap dilaporkan berlaku di Malaysia berbanding jenayah kekerasan (Azman, & Ah, 2020). Masalah jenayah harta benda bukan sahaja memberi kesan kepada kerugian kewangan, tetapi turut memberikan kesan kepada aspek psikologi mangsa jenayah (Chand, Goundar, & Karan, 2022).

1.3 Permasalahan Kajian

Peningkatan kes jenayah indeks kekerasan dan harta benda di Malaysia berada pada tahap yang membimbangkan. Sungguhpun, wujud koordinasi daripada PDRM dengan masyarakat melalui program kepolisan komuniti. Namun demikian, indeks jenayah yang dilaporkan dari tahun 2019, 2020 sehingga 2021 masih membimbangkan kerana wujud peningkatan bagi kes-kes jenayah harta benda seperti kes curi motosikal. Begitu juga dengan kes-kes jenayah kekerasan yang melaporkan peningkatan kes samun berkawan dan bersenjata api yang tinggi (JPJKK PDRM, 2022). Fenomena perlakuan jenayah kekerasan dan harta benda yang tidak dibendung memberikan impak kepada kesejahteraan komuniti dari segi sosial dan ekonomi (Albrecht, 2022). Secara tidak langsung, persepsi rasa selamat komuniti terhadap kawasan kejiranan turut menurun dan memberi impak kepada kehidupan harian komuniti (Kanyo et al., 2015; Azman, 2020).

Penglibatan komuniti dalam program kepolisan komuniti yang masih rendah untuk mencegah jenayah juga berada dalam keadaan yang merunsingkan pihak berkuasa terutama PDRM (Sulaiman, Hamsan, Yero, & Lawrence, 2021). JPJJK melalui PDRM bertindak melaksanakan peranan memberi koordinasi tentang arahan-arahan semasa daripada Ketua Polis Negara (KPN) tentang prestasi keselamatan kawasan kejiranan komuniti (Sulaiman, Hamsan, Yero, & Lawrence, 2021). Namun demikian, kadar penyertaan komuniti yang masih terhad dalam program kepolisan komuniti memberi cabaran kepada kelangsungan penyertaan program (Skogan, & Hartnett, 2019). Statistik penglibatan komuniti dalam program kepolisan komuniti seluruh negara kini berjumlah 80,000 orang berbanding populasi penduduk Malaysia yang berjumlah 32.7 juta tahun 2022 (DOSM, 2022). Statistik tersebut memberi gambaran bahawa kesedaran komuniti terhadap keselamatan insan dan bentuk-bentuk risiko jenayah yang rendah memberi persepsi kepada PDRM bahawa komuniti kurang berminat untuk terlibat dalam koordinasi dan kolaborasi program kepolisan komuniti.

Persoalannya, adakah komuniti kurang mengetahui manfaat program kepolisan komuniti dalam usaha mencegah jenayah? Sehubungan itu, model *Knowledge- Attitude-Practice* (KAP) (Andersons, 2014) digunakan sebagai asas untuk memahami pandangan komuniti tentang manfaat program kepolisan komuniti. Tanpa pemahaman dan pengetahuan yang jelas, tentunya sesebuah program sukar mencapai matlamat yang dikongsi bersama-sama (Suhaimi, Nazuri, Burhan, Rahman, & Hamsan, 2021).

Fenomena sosial berhubungkait tingkah laku jenayah terutama indeks jenayah kekerasan dan jenayah harta benda disebabkan pelbagai faktor dalaman dan faktor luaran persekitaran komuniti itu sendiri (Ferreira, Rossoni, & Oliveira, 2022). Pemaparan media akhbar tentang isu fenomena sosial terkait dengan jenayah dalam kawasan kejiranan komuniti semakin membimbangkan komuniti dan PDRM. Sebagai contohnya, dalam tajuk akhbar seperti '*Kes Samun Rumah Di Putrajaya Makin Parah, Polis Kerap Buat Rondaan & Roadblock*' dalam *The Rakyat Post* (Fadzil, 2022), '*Nyaris ditetak penyamun dalam kawasan rumah*' dalam Berita Harian (Alias, 2019) dan '*Selamba curi tong gas, penghuni rumah sempat rakam*' dalam Harian Metro (Haque, 2022). Kejadian jenayah dalam kejiranan komuniti memerlukan mekanisme pencegahan yang bersesuaian dalam program kepolisan komuniti.

Ini menunjukkan bahawa strategi pencegahan jenayah dalam program kepolisan komuniti oleh PDRM dengan komuniti memerlukan pendekatan proaktif melalui perkongsian maklumat jenayah setempat daripada anggota komuniti itu sendiri. Sehubungan itu, teori *Partnership Approach* (Zimmerman, 1995) dimanfaatkan dalam kajian sebagai asas pemahaman kepada perkongsian maklumat antara komuniti dengan polis melalui program kepolisan komuniti untuk pencegahan jenayah (Zimmerman, 1995).

Dalam satu kajian kekerapan pola interaksi antara komuniti dengan pihak polis melalui aplikasi *WhatsApp* oleh Salleh dan Ekhwan (2019) di daerah Seremban, Negeri Sembilan, menunjukkan bahawa majoriti tujuan komunikasi adalah untuk berkongsi informasi umum, memohon nasihat dan tentang isu keselamatan dan memohon penjelasan PDRM tentang isu melibatkan polis. Ini menunjukkan bahawa pola interaksi

komuniti dengan pihak polis secara kerap mampu menggalakkan perkongsian maklumat pantas melalui aplikasi telefon pintar secara konsisten. Dari segi hal-hal komuniti yang dikongsi bersama polis, lazimnya info merangkumi penyaluran maklumat tentang kegiatan jenayah, isu keselamatan diri dan isu keselamatan harta benda (Fisher, McKenna, Higgins, Maguire, & Homer, 2022). Ini menunjukkan bahawa kepercayaan, sokongan sosial dan interaksi antara polis dengan komuniti dalam program kepolisan komuniti untuk mencegah jenayah boleh difahami secara mendalam dengan menggunakan teori *social capital* dalam kajian ini.

Indeks jenayah harta benda merupakan kes-kes jenayah yang sangat digeruni oleh komuniti setempat kerana memberi implikasi kepada kerugian harta benda, emosi mangsa jenayah harta benda dan meninggalkan kesan psikologi yang besar ke atas kesejahteraan sosio-ekonomi komuniti (O'Reilly, 2022). Dalam hal ini, kajian oleh Malek, Pauzi dan Awang (2021), mendapati bahawa wujud beberapa faktor yang dikenal pasti mendorong peningkatan jenayah harta benda iaitu kekurangan pemantauan PDRM dan Rukun Tetangga, kepesatan bandar, ketidaksamaan pendapatan, kurang kawalan keselamatan, sasaran penjenayah dan faktor risiko yang rencam sehingga masalah jenayah semakin kompleks.

Selain itu, terdapat juga kajian yang mengetengahkan dapatan tentang kompetensi pegawai dan anggota polis dalam mencegah jenayah (Sulaiman, Hamsan, Yero, & Lawrence, 2021). Kerjaya dalam bidang kepolisan memerlukan pegawai polis yang cekap, berpengetahuan tinggi, bermotivasi, memberi komitmen dan mampu berkerja dibawah tekanan sosial dan ekspektasi komuniti (van der Giessen, & Bayerl, 2022). Isu-isu penyelewengan, penurunan motivasi kerja, tekanan kerja, komitmen kerja dan prestasi kerja masih membelenggu warga PDRM (Qurratul, Ismail, Ngah, & Mustaffa, 2018). Situasi ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada imej profesionalisma PDRM sebagai badan penguatkuasa undang-undang yang ulung di Malaysia. Sehingga, persoalan tentang sikap pegawai polis dalam usaha mencegah jenayah melalui program kepolisan komuniti masih dipersoal sehingga kini.

Kajian-kajian seperti Azman, (2020), Blair, (2021) dan Kanyo, Nor, Rainis, Rahman, & Jubit, (2015), memberi tumpuan kepada langkah pencegahan program kepolisan komuniti tanpa mengambilkira penglibatan komuniti dalam program kepolisan komuniti. Begitu juga dengan kompetensi pegawai dan anggota polis yang kurang diketengahkan dari segi peranan dan sikap yang diperlukan untuk mencegah jenayah (Aston, O'Neill, Hail, & Wooff, 2021). Hal ini mengakibatkan input tentang kelemahan dan kekuatan program kepolisan komuniti dari segi mencegah jenayah melalui perspektif komuniti dan polis masih kurang didapati dalam kajian-kajian lepas.

Meninjau kepada isu dan permasalahan tentang peningkatan indeks jenayah kekerasan dan harta benda yang kian meruncing, penyertaan komuniti dalam program kepolisan komuniti yang masih terhad. Selain daripada keberkesanan program kepolisan komuniti mencegah jenayah daripada perspektif polis yang masih terhad dari segi data. Sehubungan itu, kajian bermatlamat meneroka kefahaman komuniti terhadap program kepolisan komuniti dalam pencegahan jenayah. Seterusnya, bermatlamat mengisi jurang kajian dengan mengkaji keberkesanan program kepolisan komuniti oleh polis dalam

pengecahan jenayah. Akhir sekali, kajian bermatlamat mengisi jurang kajian dengan menjalankan kajian untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program kepolisan komuniti oleh komuniti dan polis dalam pengecahan jenayah.

1.4 Persoalan Kajian

Berpandukan kepada isu dan permasalahan kajian yang diuraikan, kajian mengemukakan beberapa persoalan kajian sebagaimana berikut:

- 1.4.1 Apakah kefahaman komuniti terhadap program kepolisan komuniti dalam pengecahan jenayah?
- 1.4.2 Bagaimanakah keberkesanan program kepolisan komuniti oleh polis dalam pengecahan jenayah?
- 1.4.3 Apakah kekuatan dan kelemahan program kepolisan komuniti oleh komuniti dan polis dalam pengecahan jenayah?

1.5 Objektif Kajian

Objektif umum kajian bermatlamat untuk menilai keberkesanan program kepolisan komuniti dalam pengecahan jenayah yang diteliti melalui pendekatan kajian kes di kawasan pentadbiran Balai Polis Taman Melawati Ampang. Berdasarkan kepada peningkatan isu indeks jenayah kekerasan dan jenayah harta benda yang tinggi, maka, kajian secara terperinci menjurus kepada:

- 1.5.1 Meneroka kefahaman komuniti terhadap program kepolisan komuniti dalam pengecahan jenayah,
- 1.5.2 Mengkaji keberkesanan program kepolisan komuniti oleh polis dalam pengecahan jenayah, dan,
- 1.5.3 Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program kepolisan komuniti oleh komuniti dan polis dalam pengecahan jenayah.

1.6 Skop Kajian

Ruang lingkup kajian memberi tumpuan kepada keberkesanan program kepolisan komuniti dalam pengecahan jenayah di kawasan pentadbiran Balai Polis Taman Melawati Ampang kerana mempunyai kepelbagaian kelas sosial (various social class) dalam satu kawasan. Kawasan pentadbiran Balai Polis Taman Melawati Ampang yang diberikan tumpuan adalah seperti dalam Jadual 1.1:

Jadual 1.1: Kawasan Pentadbiran Balai Polis Taman Melawati Ampang

Bil.	Kawasan	Status Kawasan Pentadbiran dan Ciri- Ciri Komuniti	Indeks Jenayah	Jumlah Penduduk (orang)
1.	Taman Permata	- Mempunyai Program Kepolisian Komuniti - <i>Middle 40</i>	Meningkat	12, 295 orang
2.	Jalan A hingga Jalan P	- Mempunyai Program Kepolisian Komuniti - Pencen kerajaan	Menurun	41,555 orang
3.	Kampung Kemensah dan Zoo View	- Tidak Mempunyai Program Kepolisian Komuniti - Kampung Kemensah kawasan Orang Asli dan <i>Bottom 40</i> - Zoo View kawasan elit	Menurun	20,280 orang
4.	Kemensah Heights	- Tidak Mempunyai Program Kepolisian Komuniti - Kawasan Elit	Meningkat	3,285 orang

(Sumber: Balai Polis Taman Melawati Ampang, 2021)

Jadual 1.1 menunjukkan sebanyak empat kawasan pentadbiran Balai Polis Taman Melawati Ampang yang terlibat seperti Taman Permata, Jalan A sehingga Jalan P, Kampung Kemensah dan Zoo View dan Kemensah Heights. Statistik anggaran jumlah penduduk semasa bagi keempat-empat kawasan pentadbiran Balai Polis Taman Melawati, Ampang ialah 77, 415 orang keseluruhannya.

Terdapat tiga aspek utama yang diberi penekanan dalam kajian. Model yang menjadi asas kepada skop kajian ini ialah Model *Knowledge, Attitude and Practice* (KAP). Aspek kefahaman komuniti terhadap program kepolisian komuniti dalam usaha PDRM mencegah jenayah kekerasan dan jenayah harta benda diterokai melalui sesi perbincangan kumpulan fokus (*Focus Group Discussion*). Perbincangan kumpulan fokus dalam kalangan komuniti menggunakan tema Model KAP iaitu tema Pengetahuan (*Knowledge*) digunakan sebagai panduan bagi menerokai kefahaman program kepolisian komuniti berdasarkan perspektif anggota komuniti setempat sebagai penerima manfaat program. Antara tema-tema yang mendasari aspek kefahaman ialah penglibatan komuniti sebagai pemangkin program, melaksana kerjasama strategik melalui rondaan dan membentuk rangkaian perkongsian maklumat.

Fokus kajian yang seterusnya diskopkan kepada penelitian perspektif polis untuk mengetahui keberkesanan program kepolisian komuniti melalui peranan PDRM dalam pencegahan jenayah. Dalam aspek ini, pandangan polis tentang keberkesanan program kepolisian komuniti dikaji dari segi sikap (*attitude*) iaitu merangkumi peranan polis untuk mencegah jenayah, sumber manusia untuk menghapus peluang jenayah, Latihan yang mencukupi untuk memperkasa komuniti dan penasihat komuniti dalam pelaksanaan program kepolisian komuniti.

Akhir sekali, kajian menjurus kepada pengenalan kekuatan dan kelemahan program kepolisan komuniti oleh komuniti dan polis dalam pencegahan jenayah yang mana melibatkan kedua-dua kumpulan informan. Tema amalan (*practice*) dijadikan sebagai asas kepada objektif ketiga. Dari segi kekuatan program kepolisan komuniti, aspek yang diberi tumpuan ialah peranan penyelia, koordinasi efektif dan tempoh pengalaman bekerja. Dari segi kelemahan program, gaya kepimpinan penyelia, kekangan aset dan logistik dan komitmen terhadap penugasan merupakan elemen yang terangkum dalam aspek kelemahan. Umumnya, kedua-dua kumpulan subjek kajian iaitu anggota komuniti dan polis memberi pandangan tentang aspek-aspek menjadi kelebihan dan kekurangan program kepolisan komuniti yang boleh disyorkan kepada PDRM sebagai usaha memperkasa kepolisan komuniti di kawasan pentadbiran Balai Polis Taman Melawati Ampang.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian tentang keberkesanan program kepolisan komuniti dalam pencegahan jenayah di kawasan pentadbiran Balai Polis Taman Melawati Ampang mempunyai beberapa kepentingan dari segi sumbangannya terhadap ilmu kajian tentang komuniti, menyumbang kepada input data tentang anggota komuniti sebagai penerima manfaat program dan kepada organisasi PDRM sebagai pelaksana program khususnya.

1.7.1 Perluasan Ilmu dari segi Model Kajian

Kajian ini penting kerana Model *Knowledge-Attitude-Practice* (KAP) yang digunakan dalam kajian ini dikembangkan untuk menjadi asas yang mendasari objektif kajian. Dari segi tema pengetahuan, komponen *Knowledge* dijadikan asas untuk melengkapi objektif kajian satu iaitu anggota komuniti memberi kefahaman tentang program kepolisan komuniti melalui pengalaman mereka sebagai penerima manfaat program. Manakala, komponen *Attitude* dijadikan asas kepada objektif kedua iaitu untuk mengkaji sikap pegawai polis yang melaksana program kepolisan komuniti dalam usaha mencegah jenayah. Akhir sekali, komponen *Practice*, merupakan aspek yang menerangkan tentang kekuatan dan kekurangan pelaksanaan program kepolisan komuniti yang mana diperoleh melalui persepsi anggota komuniti dan pegawai polis yang terlibat di kawasan pentadbiran Balai Polis Taman Melawati Ampang. Secara tidak langsung, kajian memberi nilai tambah kepada penggunaan Model *Knowledge-Attitude-Practice* (KAP). Selain itu, terdapat juga teori Pendekatan Perkongsian (*Partnership Approach*) yang dikembangkan dalam kajian ini untuk menghujahkan bahawa kerjasama antara dua pihak diperlukan untuk mencapai matlamat yang serupa. Manakala, teori Modal Sosial (*Social Capital*) yang dikembangkan dalam kajian menunjukkan bahawa aspek kepercayaan, kerjasama, perpaduan kumpulan dan sokongan sosial turut signifikan memastikan keberkesanan program kepolisan komuniti.

1.7.2 Komuniti sebagai Penerima Manfaat Program Kepolisan Komuniti

Data kajian menyumbang kepada komuniti sebagai penerima manfaat program kepolisan komuniti. Secara terperinci, Taman Melawati merupakan Kawasan pentadbiran Balai Polis Taman Melawati, Ampang adalah sebuah bandar yang terletak di pinggir ibu kota Malaysia iaitu Kuala Lumpur dan ditadbir oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Demografi Taman Melawati yang menempatkan rumah-rumah mewah merupakan kawasan elit, didiami orang kenamaan, ahli politik dan artis serta sering menjadi sasaran penjenayah untuk melakukan jenayah kekerasan dan jenayah harta benda (Statistik Balai Polis Taman Melawati Ampang, 2022). Sehubungan itu, pembentukan struktur organisasi program kepolisan komuniti menyumbang kepada komuniti sebagai penerima manfaat program yang mana melibatkan empat kawasan tumpuan seperti Taman Permata, Jalan A sehingga Jalan P, Kampung Kemensah dan Zoo View dan Kemensah Heights.

1.7.3 PDRM sebagai Pelaksana Program

Input kajian tentang keberkesanan program kepolisan komuniti menyumbang kepada penambahbaikan program kepolisan komuniti yang telah dilaksanakan oleh JPJKK semenjak 9 Jun 2014. Melalui data pengetahuan komuniti tentang program kepolisan komuniti dalam pencegahan jenayah di kawasan pentadbiran Balai Polis Taman Melawati Ampang, PDRM khususnya JPJKK dapat menilai tahap pengetahuan, tahap kefahaman dan persepsi anggota komuniti yang terlibat. Ini dapat memberi panduan kepada PDRM dalam usaha mempertingkatkan keberkesanan agenda program kepolisan komuniti bersesuaian dengan misinya untuk mencegah jenayah secara holistik dan mewujudkan komuniti yang sejahtera. Dalam masa yang sama, peranan polis untuk meningkatkan persepsi keselamatan komuniti tentang pencegahan jenayah juga dapat dimantapkan kerana data kajian tentang sikap juga diterokai oleh kajian. Akhir sekali, data kajian yang mengkaji kelebihan dan kekurangan program kepolisan komuniti dapat menerokai keberkesanan program kepolisan komuniti secara lebih berfokus, santai tetapi berkesan dalam kumpulan komuniti sasaran.

1.8 Definisi Istilah dan Operasional Konsep

Definisi operasional konsep memberi penjelasan lanjut tentang konsep-konsep asas yang menjadi elemen penting kajian. Takrifan konsep asas kajian ini berkemungkinan berbeza dengan kajian-kajian terdahulu. Sehubungan itu, melalui definisi operasional konsep, pengkaji menerangkan elemen yang merangkumi konsep asas tersebut.

1.8.1 Keberkesanan

Definisi Istilah: Keberkesanan merujuk kepada keberhasilan sesuatu tindakan, tingkah laku, perbuatan dan amalan yang boleh dinilai (Albrecht, 2022). Menurut O'Reilly (2022), keberkesanan merupakan satu set tindakan yang membawa kepada perubahan,

transformasi dan peralihan. Dalam kajian ini, keberkesanan menerangkan perihai keberkesanan program kepolisan komuniti (community policing) untuk mencegah jenayah melalui perspektif anggota komuniti dan peranan pegawai polis.

Definisi Operasional Konsep: Keberkesanan dalam kajian diukur melalui Model *Knowledge-Attitude-Practice* (KAP) yang mana elemen pengetahuan digunakan mengukur kefahaman komuniti dalam program kepolisan komuniti. Seterusnya, elemen sikap digunakan mengukur peranan polis dalam program kepolisan komuniti. Elemen amalan digunakan mengukur kekuatan dan kelemahan program kepolisan komuniti melalui perspektif komuniti dan pegawai polis.

1.8.2 Kepolisan Komuniti

Definisi Istilah: Istilah kepolisan komuniti atau *community policing* diperluaskan melalui takrifan oleh *Department of Justice United States*, (2012) sebagai satu program kolaborasi pihak penguatkuasaan undang-undang bersama-sama dengan anggota komuniti. Matlamat kepolisan komuniti diperkenalkan adalah untuk menggalakkan strategi proaktif melalui perkongsian maklumat jenayah indeks oleh komuniti, mentransformasi PDRM melalui organisasi kepolisan komuniti dan membentuk penyelesaian masalah berkaitan pencegahan jenayah indeks (JPJKK, PDRM, 2022). Dalam hal ini, program kepolisan komuniti anjuran PDRM bermatlamat membentuk tindakan kolektif antara polis dengan orang awam untuk memelihara ketenteraman awam melalui Seksyen 3(3) Akta Polis 1967 untuk melakukan pengesanan dan pencegahan jenayah.

Definisi Operasional Konsep: Konsep kepolisan komuniti kajian memberi tumpuan kepada aspek keberkesanan program kepolisan komuniti dalam pencegahan jenayah. Keberkesanan program kepolisan diukur berdasarkan kefahaman komuniti terhadap program kepolisan komuniti dalam pencegahan jenayah. Kefahaman diukur melalui penglibatan komuniti sebagai pemangkin program, melaksana kerjasama strategik melalui rondaan dan membentuk rangkaian perkongsian. Seterusnya, keberkesanan program kepolisan komuniti oleh polis adalah dari segi pencegahan jenayah, sumber manusia untuk menghapus peluang jenayah, latihan yang mencukupi untuk memperkasa komuniti dan penasihat komuniti dalam pelaksanaan program kepolisan komuniti.

1.8.3 Pencegahan Jenayah


Definisi Istilah: Pencegahan merupakan satu tindakan awal yang dirancang dan dilaksanakan bagi membentuk kawalan sosial ke atas sesuatu perkara (Azman, & Ah, 2020). Jenayah adalah tingkah laku atau tindakan jahat yang menyalahi undang-undang dan akta yang ditetapkan oleh pihak penguatkuasa undang-undang negara (Brogden, & Nijhar, 2013). Pencegahan jenayah adalah satu usaha awal menghalang perbuatan atau tindakan jenayah daripada berlaku kerana kesan perlakuan jenayah yang bertentangan dengan nilai, moral dan norma komuniti (Cossyleon, 2019).

Strategi pencegahan jenayah terbahagi kepada tiga peringkat iaitu awalan, pertengahan dan akhir (Cordner, 2014). Pencegahan jenayah melibatkan kolaborasi aktif bersama-sama individu untuk tindakan perseorangan, berkumpul untuk komuniti setempat dan orang awam untuk menghubungi polis (Ferreira, Rossoni, & Oliveira, 2022).

Definisi Operasional Konsep: Pencegahan jenayah difokuskan dengan mengkaji keberkesanan program kepolisan komuniti dalam usaha mengurangkan, membendung dan menghalang perbuatan menyalahi undang-undang. Fokus kajian ini adalah terhadap program kepolisan komuniti dalam usaha mengurangkan, membendung dan menghalang perbuatan salah laku terkait dengan jenayah indeks di kawasan pentadbiran Balai Polis Taman Melawati, Ampang. Jenayah indeks menjadi tumpuan kepada kajian ini kerana jenayahnya melibatkan jenayah harta benda dan jenayah kekerasan.

1.9 Organisasi Penulisan Tesis

Kajian tentang keberkesanan program kepolisan komuniti dalam pencegahan jenayah di kawasan pentadbiran Balai Polis Taman Melawati Ampang dibahagikan kepada beberapa bab penulisan yang utama. Bab 1 adalah Pendahuluan yang menerangkan latar belakang, permasalahan kajian, persoalan, objektif kajian, skop, kepentingan kajian dan definisi operasionalisasi konsep yang menjadi asas kepada kajian ini. Konsep-konsep seperti keberkesanan, kepolisan komuniti dan kawasan pentadbiran diterangkan dan diberi takrifan dengan lebih jelas.



Rajah 1.5: Organisasi Penulisan Tesis

Bab 2 sebagaimana dalam Rajah 1.5 Organisasi Penulisan Tesis merupakan bahagian yang menghuraikan kajian-kajian lepas tentang keberkesanan kepolisan komuniti melalui penglibatan orang awam dan peranan polis. Dalam Bab 2 juga terdapat penerangan tentang Pendekatan Teori dan Kerangka Konseptual bagi menunjukkan penggunaan teori dalam kajian ini. Selain itu, Bab 2 juga mempunyai huraian tentang program kepolisan komuniti yang menunjukkan transisi program kepolisan berbentuk tradisional kepada yang moden seperti Sistem Salleh, Kepolisan Komuniti dan sebagainya.

Bab 3 dalam penulisan ini merupakan bahagian yang menghuraikan prosedur kajian yang merangkumi reka bentuk kajian, pendekatan kajian, teknik pensampelan kajian, teknik pengumpulan data, teknik analisis data, kesahan protokol temu bual dan etika kajian. Umumnya, kajian sepenuhnya menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dan pendekatan kajian kes bagi menemu bual informan kajian yang menjadi peserta kajian. Perbincangan kumpulan fokus (*focus group discussion*) melibatkan anggota komuniti iaitu orang awam dan temu bual secara mendalam (*in-depth interview*) melibatkan pegawai polis merupakan kaedah utama data-data kajian dikumpulkan.

Bab 4 merupakan Hasil Kajian dan Perbincangan. Bab 4 diselaraskan mengikut tiga persoalan dan objektif kajian. Ini dilaksanakan agar Hasil Kajian bagi ketiga-tiga objektif dapat dipersembahkan secara sistematik mengikut tema-tema utama dalam kajian. Umumnya, Bab 4 akan dimulakan dengan analisis deksriptif maklumat demografi informan dan nama samaran yang dilabelkan mengikut susunan informan. Label informan penting agar pembuktian daripada petikan temu bual informan yang disertakan dalam Bab 4 di bahagian Hasil Kajian dapat dibuktikan dengan penerangan informan.

Secara spesifiknya, Bab 4 mengandungi beberapa bahagian seperti demografi informan kajian, kefahaman komuniti terhadap program kepolisan komuniti dalam pencegahan jenayah, keberkesanan program kepolisan komuniti oleh polis dalam pencegahan jenayah, dan kekuatan dan kelemahan program kepolisan komuniti oleh komuniti dan polis dalam pencegahan jenayah termasuklah bahagian perbincangan yang meneliti persamaan, perbezaan dan perbandingan kajian lalu dengan kajian terkini yang dilakukan oleh kajian ini.

Bab 5 adalah Penutup yang memberi huraian tentang rumusan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian lanjut dan bahagian yang menyimpulkan kajian. Rumusan kajian dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu dari segi demografi, rumusan objektif pertama, kedua dan ketiga. Implikasi kajian meninjau sumbangan dapatan kajian terhadap perluasan dan penambahbaikan program kepolisan komuniti di bawah bidang kuasa Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti dan Dasar Komuniti Negara dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti agar lebih selamat, sejahtera dan aman daripada sebarang ancaman jenayah. Cadangan kajian lanjut merupakan bahagian yang menerangkan syor-syor tentang metodologi kajian kepada pengkaji masa hadapan untuk digunakan dalam kajian yang lain. Akhir sekali, bahagian ini menyimpulkan keseluruhan isi perbincangan Penutup dengan merefleksi setiap bahagian yang menjadi perbincangan.

1.10 Jangkaan Hasil Kajian

Kajian dijangka menjawab kepada tiga objektif yang ditentukan berdasarkan persoalan kajian. Objektif pertama kajian bermatlamat meneroka kefahaman komuniti terhadap program kepolisan komuniti dalam pencegahan jenayah. Melalui objektif ini, pengetahuan komuniti seperti penglibatan komuniti sebagai pemangkin program, melaksana kerjasama strategik melalui rondaan dan membentuk rangkaian perkongsian maklumat akan diperolehi. Objektif kajian kedua bermatlamat untuk mengkaji keberkesanan program kepolisan komuniti oleh polis dalam pencegahan jenayah. Bahagian ini akan meneroka peranan polis dalam mencegah jenayah, sumber manusia untuk menghapus peluang jenayah, latihan yang mencukupi untuk memperkasa komuniti dan penasihat komuniti dalam pelaksanaan program kepolisan komuniti. Objektif kajian ketiga bermatlamat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program kepolisan komuniti oleh komuniti dan polis dalam pencegahan jenayah. Melalui objektif ini, pengkaji akan memperolehi maklumat kekuatan program kepolisan komuniti seperti peranan penyelia, koordinasi efektif dan tempoh pengalaman bekerja. Manakala, dari segi kelemahan program, gaya kepimpinan penyelia, kekangan aset dan logistik dan komitmen terhadap penugasan.

RUJUKAN

- Abd Malek, N. F., Mohd Pauzi, H. & Awang Noh, N. (2021). Pencegahan Jenayah Pecah Rumah Bagi Menjamin Keselamatan Masyarakat: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), pp. 310 - 320. doi: 10.47405/mjssh.v6i9.1042.
- Albrecht, P. (2022). Assembling community policing: Peacekeeping and the Ghana Police Service's transformation agenda. *Contemporary Journal of African Studies (CJAS)*, 9(1), 26-38.
- Anderson, J. (2014). Online communities: utilising emerging technologies to improve crime prevention knowledge, practice and dissemination. *Trends and Issues in Crime and Criminal Justice [electronic resource]*, (462), 1-10.
- Ani, F., Samah, A. A., & Ahmad, N. (2016). Pendekatan Pendayaupayaan Dalam Pembangunan Komuniti: Satu Analisa Dari Teori Kepada Praktis. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities (MJSSH)*, 1(1), 36-44.
- Aston, E. V., O'Neill, M., Hail, Y., & Wooff, A. (2021). Information sharing in community policing in Europe: Building public confidence. *European Journal of Criminology*, 14773708211037902.
- Aston, E. V., O'Neill, M., Hail, Y., & Wooff, A. (2021). Information sharing in community policing in Europe: Building public confidence. *European Journal of Criminology*, 14773708211037902.
- Azman, Z. (2020). Pengawasan Komuniti Dan Pencegahan Jenayah Di Malaysia: Sejarah Perkembangannya (Community Policing And Crime Prevention In Malaysia: Its History). *The Malaysian Journal Of Social Administration*, 14(2), 39-61.
- Azman, Z. (2020). Pengawasan Komuniti Dan Pencegahan Jenayah Di Malaysia: Sejarah Perkembangannya (Community Policing And Crime Prevention In Malaysia: Its History). *The Malaysian Journal Of Social Administration*, 14(2), 39-61.
- Azman, Z., & Ah, S. H. A. B. (2020). Konsep Dan Perkembangan Program Pengawasan Komuniti Di Malaysia: The Concept Of Community Policing And Its Development In Malaysia. *SARJANA*, 35(1), 42-59.
- Balai Polis Taman Melawati Ampang. (2022). Program Kepolisian Komuniti. PDRM
- Barton, H., & Valero-Silva, N. (2013). Policing in partnership: a case study in crime prevention. *International Journal of Public Sector Management*, 27(7), 543-553.
- Bennett, T. (1994). Recent developments in community policing. *Police force, police service*, 107-129.

- Blair, G., Weinstein, J. M., Christia, F., Arias, E., Badran, E., Blair, R. A., ... & Wilke, A. M. (2021). Community policing does not build citizen trust in police or reduce crime in the Global South. *Science*, 374(6571), eabd3446.
- Blandford, A. E. (2013). Semi-structured qualitative studies. *Interaction Design Foundation*.
- Brogden, M., & Nijhar, P. (2013). *Community policing*. Willan.
- Byrne, J. & Marx, G. (2011). Technological innovations in crime prevention and policing: A review of the research on implementation and impact. *Journal of Police Studies*, 3(20), 17-40.
- C. Gill, D. Weisburd, C. W. Telep, Z. Vitter & T. Bennett (2014). Community-oriented policing to reduce crime, disorder and fear and increase satisfaction and legitimacy among citizens: A systematic review. *J. Exp. Criminol.* 10, 399– 428.
- Chand, A., Goundar, P., & Karan, M. (2022). The effectiveness of the British model of community policing in Fiji. In *Policing the Global South* (pp. 289-305). Routledge.
- Chand, A., Goundar, P., & Karan, M. (2022). The effectiveness of the British model of community policing in Fiji. In *Policing the Global South* (pp. 289-305). Routledge.
- Cheurprakobkit, S., & Puthongsiriporn, S. (2005). Service culture for the implementation of community policing: a case study of the Malaysian police. *International journal of police science & management*, 7(4), 286-299.
- Chu, C. C., Tsai, T. J., Wang, C. Y., & Meng, F. S. (2021). Effective Citizen Engagement in Community Policing: The Lessons and Experience of Taiwan. *Chinese Public Administration Review*, 12(2), 116-131.
- Cordner, G. (2014). Community policing. *The Oxford handbook of police and policing*, 148-171.
- Cossyleon, J. E. (2019). Community policing. *The Wiley Blackwell Encyclopedia of Urban and Regional Studies*, 1-5.
- Crepelle, A., Fegley, T., Murtazashvili, I., & Murtazashvili, J. B. (2022). Community policing on American Indian reservations: a preliminary investigation. *Journal of Institutional Economics*, 1-18.
- Dass, M., Kunasekaran, P., Kaur, C., & Gill, S. S. (2022). Exploring The Role Of Community Empowerment In Urban Poverty Eradication In Kuala Lumpur, Malaysia. *Sustainability*, 14(18), 11501.
- de Maillard, J., & Terpstra, J. (2021). Community policing in comparative perspective. In *Oxford Research Encyclopedia of Criminology and Criminal Justice*.

- Diphooorn, T., & van Staple, N. (2021). What Is Community Policing?: Divergent Agendas, Practices, and Experiences of Transforming the Police in Kenya. *Policing: A Journal of Policy and Practice*, 15(1), 399-411.
- Dizon, J. P. M. (2021). Protecting the university, policing race: A case study of campus policing. *Journal of Diversity in Higher Education*.
- Ferreira, D. V. D. S., Rossoni, L., & Oliveira, C. R. D. (2022). Institutional logics of community policing: an analytical framework and research agenda for the Brazilian context. *Revista de Administração Pública*, 56, 134-162.
- Fielding, N. G. (1995). *Community policing*. Oxford University Press.
- Fielding, N. G. (2005). Concepts and theory in community policing. *The Howard journal of criminal justice*, 44(5), 460-472.
- Fisher, B. W., McKenna, J., Higgins, E. M., Maguire, E. R., & Homer, E. M. (2022). The Alignment Between Community Policing and the Work of School Resource Officers. *Police Quarterly*, 10986111211053843.
- Greig-Midlane, J. (2019). An institutional perspective of neighbourhood policing reform in austerity era England and Wales. *International journal of police science and management*, 21 (4), 230-243.
- Higgins, A. (2018b). So this is modern neighbourhood policing? [pdf]. London: The Police Foundation. Available at: <http://www.police-foundation.org.uk/2018/10/so-this-is-modern-neighbourhood-policing-long-read/> (Akses 28 November 2022).
- Horton, J., Macve, R., & Struyven, G. (2004). Qualitative research: experiences in using semi-structured interviews. In *The real life guide to accounting research*(pp. 339-357). Elsevier.
- Ibragimov, U., Cooper, K. E., Batty, E., Ballard, A. M., Fadanelli, M., Gross, S. B. & Cooper, H. L. (2021). Factors that influence enrollment in syringe services programs in rural areas: a qualitative study among program clients in Appalachian Kentucky. *Harm reduction journal*, 18(1), 1-15.
- Jamshed, S. (2014). Qualitative research method-interviewing and observation. *Journal of basic and clinical pharmacy*, 5(4), 87.
- Jabatan Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti (JPJKK). (2022). Program Kepolisian Komuniti. PDRM.
- Johnson, D., Maguire, E. R., & Kuhns, J. B. (2022). Can community policing reduce perceived disorder? Results from a quasi-experiment in Trinidad and Tobago. *Policing and Society*, 32(7), 911-930.
- Johnson, D., Maguire, E. R., & Kuhns, J. B. (2022). Can community policing reduce perceived disorder? Results from a quasi-experiment in Trinidad and Tobago. *Policing and Society*, 32(7), 911-930.

- Kanyo, N. I., Nor, N. H. M., Rainis, R., Rahman, A. T. A., & Jubit, N. (2015). Mengurus Ruang Jenayah: Suatu Tinjauan Dasar Pengurangan Jenayah Di Malaysia (Managing The Crime Space: A Review Of Malaysian Crime Reduction Policies). *Geografia*, 11(2).
- Kementerian Dalam Negeri (KDN). (2022). Volunteer Smart Patrol.KDN.
- Koskei, B., & Simiyu, C. (2015). Role of interviews, observation, pitfalls and ethical issues in qualitative research methods. *Journal of Educational Policy and Entrepreneurial Research*, 2(3), 108-117.
- Kyle Peyton, Michael Sierra-Arévalo & David G. Rand (2019). A field experiment on community policing and police legitimacy. *Proceedings of the National Academy of Sciences* Oct 2019, 116 (40) 19894- 19898.
- Lanang, W. N. W. W., & Hassan, M. S. (2021). Program Pencegahan Jenayah di Negeri Perak melalui Peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Masyarakat. *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 13(1), 85-101.
- Mahmood, N.H.N., Masrom, M., Zakaria, W.N.W., Ali, N.R.M., Jamil, R., Zainon, O., Amerudin, S., Bakar, A.A., Zulkeefly, D., Khor, S.Y. And Loh, S.L., 2017. Jenayah Dan Juvana Pengalaman Sebenar. *International Journal Of Social Policy And Society (Ijsps)*, 13.
- Manaf, H. A., Mohamed, A. M., & Sabtu, Z. A. (2019). Examining The Impact Of Voluntary Patrol Unit On Social Capital Development In Malaysia. *International Journal Of Public Sector Performance Management*, 5(1), 63-80.
- Miller, L. S., Hess, K. M., & Orthmann, C. M. (2013). *Community policing: Partnerships for problem solving*. Cengage Learning.
- Nanes, M. J. (2020). Policing in divided societies: Officer inclusion, citizen cooperation, and crime prevention. *Conflict Management and Peace Science*, 37(5).
- Nor-Ina, K dan Norizan, M.N (2011). Peranan Masyarakat dan Pencegahan Pelakuan Jenayah: Kajian di Pulau Pinang. Dlm. Mohd Fauzi, Y. (2011), *Malaysia: Masyarakat, Kebudayaan dan Tranformasi Sosial*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. m/s 81- 99 [Prosiding]
- Norwahida Z. A., Lyndon, N., & Mohd Helmi A. R. (2016). Impak projek inovasi pencegahan jenayah kawasan perumahan: Analisa daripada pandangan. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 427- 449.
- Nurhafilah Musa (2018). Ilman dan Kesan kepada Pencegahan Jenayah. Dibentangkandi Wacana Keputeraan 2015. Diperoleh pada 28 Julai 2020 daripada [file:///C:/Users/Dell/Downloads/ILMANDANKESANKEPADAPENCEGAHANJENAYAH%20\(3\).pdf](file:///C:/Users/Dell/Downloads/ILMANDANKESANKEPADAPENCEGAHANJENAYAH%20(3).pdf)
- O'Reilly, C. (2022). Doing the right thing? value conflicts and community policing. *Policing and Society*, 1-17.

- Lebar, O. (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod (Qualitative Research: Introduction to Theory and Methods)*. Tanjung Malim: Penerbitan UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Oliver, W. M., & Bartgis, E. (1998). Community policing: a conceptual framework. *Policing: An International Journal of Police Strategies & Management*.
- Palmiotto, M. (2011). *Community policing: A police-citizen partnership*. Routledge.
- Pridmore, J., Mols, A., Wang, Y., & Holleman, F. (2019). Keeping an eye on the neighbours: Police, citizens, and communication within mobile neighbourhood crime prevention groups. *The Police Journal: Theory, Practice and Principles*, 92(2), 97-120.
- Putnam, R. (1993). The prosperous community: Social capital and public life. *The american prospect*, 13(4).
- Qurratul, N., Ismail, A., Ngah, K., & Mustaffa, J. (2018). Pelaksanaan Dan Pencapaian Program Kepolisian Komuniti Di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 21, 89-104.
- Radzlan, R., Rosnon, M. R., & Shaari, J. (2020). Images In The Human Mind: Between Stereotype And Reality Of The Ethnic Groups In Malaysia. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 10(16), 412-422.
- Ren, L., Zhao, J. S., & He, N. P. (2019). Broken windows theory and citizenengagement in crime prevention. *Justice Quarterly*, 36(1), 1-30.
- Ren, L., Zhao, J. S., Lovrich, N. P., & Gaffney, M. J. (2006). Participation community crime prevention: who volunteers for police work? *Policing: An International Journal*, (29)3, 464-481.
- Roh, S., Kwak, D., & Kim, E. (2013). Community policing and fear of crime in Seoul:a test of competing models. *Policing: An International Journal of PoliceStrategies and Management* 36(1), 199-222.
- Roulston, K., & Choi, M. (2018). Qualitative interviews. *The SAGE handbook of qualitative data collection*, 233-249.
- Sabtu, Z. A., Manaf, H. A., & Mohamed, A. M. (2023). *Kepolisian komuniti*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Malaysia.
- Salleh, M. A. M., Ekhwan, Z. I., & Salman, A. (2019). Mudah Guna Dan Manfaat Aplikasi Whatsapp Terhadap Hubungan Antara Peribadi Masyarakat Dan Polis. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal Of Communication*, 35(4), 135- 154.
- Samah, A. A., & Aref, F. (2009). People's Participation In Community Development:A Case Study In A Planned Village Settlement In Malaysia. *World Rural Observations*, 1(2), 45-54.

- Samah, A. A., & Aref, F. (2011). The Theoretical And Conceptual Framework And Application Of Community Empowerment And Participation In Processes Of Community Development In Malaysia. *The Journal Of American Science*, 7(2), 186-195.
- Schmidt, C. (2004). The analysis of semi-structured interviews. A companion to qualitative research, 253(258), 7619-7374.
- Scott, J. D. (2002). Assessing the relationship between police-community coproduction and neighborhood-level social capital. *Journal of Contemporary Criminal Justice*, 18(2), 147-166.
- Service's transformation agenda. *Contemporary Journal of African Studies (CJAS)*, 9(1), 26-38.
- Skogan, W. G. (2022). Prospects for Reform? The Collapse of Community Policing in Chicago. *University of Chicago Law Review*, 89(2), 4.
- Skogan, W. G., & Hartnett, S. M. (2019). Community policing. Police innovation: Contrasting perspectives, 27-44.
- Suhaimi, S. S. A., Nazuri, N. S., Burhan, N. A. S., Rahman, A. R. A., & Hamsan, H. H. (2021). Knowledge, Attitude, and Practices (KAP) on Community-Oriented Policing in Malaysian Neighbourhoods. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(12), 517-526.
- Sulaiman, A. H., Hamsan, H. H., Yero, A., & Lawrence, J. (2021). Police Officer's Commitment Towards Community Policing In Malaysia: Instruments Development And Validation. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 11(15), 245-261.
- Sulaiman, A. H., Hamsan, H. H., Yero, A., & Lawrence, J. (2021). Police Officer's Commitment towards Community Policing in Malaysia: Instruments Development and Validation. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(15), 245-261.
- Sulaiman, A. H., Othman, J., Hamsan, H. H., Samah, B. A., & D'Silva, J. L. (2012). Community development and its influence on community policing. *American Journal of Applied Sciences*, 9(7), 968.
- Trojanowicz, R., & Bucqueroux, B. (1990). *Community policing*. Anderson, Cincinnati, OH.
- van der Giessen, M., & Bayerl, P. S. (2022). Designing for successful online engagement: Understanding technological frames of citizen and police users of community policing platforms. *Government Information Quarterly*, 101711.
- Watkins, J., Bardan, F. M., al-Jarba, A., Mahmoud, T. S., al-Jassem, A. A., Khalaf, M.I., & Bidewi, D. F. (2021). Local policing in Iraq post ISIL: carving out an arena for community service?

- Wilson, J. Q. & Kelling, G. L. (1998). Broken windows: The police and neighborhood safety. Dalam G. F. Cole & M. G. Gertz (Ed.) Criminal justice system: politics and policies, Seventh Edition (ms. 103-115). Wadsworth Publishing Co.
- Yero, A., Othman, J., Samah, B. A., D'Silva, J. L., & Sulaiman, A. H. (2012). Re-Visiting Concept And Theories Of Community Policing. *International Journal of Academic Research*, 4(4).
- Yin, RK (2009). Case study research: Design and methods. Thousand Oaks, CA: Sage. *The Canadian Journal of Action Research*, 14(1), 69-71.
- Yogev, D. (2022). Social capital transformation and social control: What can we learn from the changing style in communication between religious communities and the police during COVID-19. *Policing and society*, 32(6), 794-815.
- Yoshioka, T. (2005). National Crime Prevention Strategies for Japan Implications of Scientific Knowledge and International Guidelines. Thesis University of Ottawa.
- Zaiton, A. (2016). Pendekatan Ruang Boleh Dipertahankan Dalam Program Pengawasan Komuniti Untuk Kanak Kanak Tidak Terkawal Di Projek Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak, Kuala Lumpur/Zaiton Azman (Doctoral Dissertation, University Of Malaya).
- Zakaria, I., Mustafa, M. D. J. B., & Ngah, K. B. Kesepakatan Komuniti Dalam Menangani Kegiatan Jenayah Kejiranan Di Malaysia Menggunakan Pendekatan Skim Rondaan Sukarela (Srs). *Journal Of Social Policy And Society*.
- Zimmerman, J. F. (1995). State-local relations: A partnership approach. ABC-CLIO.